

pascasiswazah

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Program kekal relevan dengan cabaran industri

Perkembangan bidang sains komputer, kejuruteraan perisian, teknologi maklumat, sains perpustakaan dan maklumat serta sains data yang semakin pantas pada hari ini memerlukan masyarakat untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan ilmu bagi melengkapkan diri masing-masing untuk berdepan cabaran dunia kerjaya pada masa depan.

Mengambil kira kepentingan ilmu dan keperluan kemahiran dalam memenuhi perubahan teknologi, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Malaya (UM), menawarkan program pengajian pascasiswazah dalam mod kerja kursus, disertasi dan penyelidikan membabitkan pelbagai bidang.

Dekan FSKTM UM, Prof Dr Abrizah Abdullah, berkata fakulti menawarkan portfolio program pascasiswazah yang diakreditasi dan kursus dirancang untuk memperkayakan pembangunan peribadi seseorang individu agar memberi manfaat kepada komuniti.

Katanya, FSKTM mempunyai reputasi di seluruh dunia untuk kualiti penyelidikan dan pengajaran, malah fakulti amat berbangga apabila diiktiraf dalam beberapa kedudukan, termasuklah QS World University Rankings (QS) dan Times Higher Education World University Rankings (THE).



Pelajar program pascasiswazah FSKTM diberi pendedahan dengan pelbagai kaedah penyelidikan bagi memenuhi kehendak industri.

“Kedudukan ini mencerminkan reputasi akademik kami yang cemerlang malah menerima respons sangat baik dalam kalangan majikan.

“Kami juga membuat sumbangan yang kukuh terhadap penerbitan penyelidikan dan jumlah sitasi yang berjaya dicapai serta mampu membawa kesan penyelidikan di luar

komuniti akademik.

“Melalui kerjasama perkongsian dengan industri, FSKTM terus membangunkan program pascasiswazah untuk kekal relevan dengan cabaran industri dan melengkapkan graduan dengan kemahiran diperlukan melalui teknologi pengkomputeran,” katanya.

FSKTM mula menawarkan

program pascasiswazah pada 1985.

Keperluan industri

Program pertama yang ditawarkan pada ketika itu adalah Sarjana Sains Komputer dan Doktor Falsafah (PhD) dan diikuti oleh program Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat pada 1987, Sarjana

Kejuruteraan Perisian (1997) serta Sarjana Sains Data dan Sarjana Pengurusan Teknologi Maklumat (2017).

Sejak itu, seramai 2,500 graduan pascasiswazah berjaya dihasilkan dan tahun ini, 619 pelajar mengikuti program pascasiswazah di FSKTM.

Sementara itu, penyelaras program PhD secara penyelidikan, Prof Madya Dr Chiew Thiam Kian, berkata pelajar yang mengikuti program PhD akan mempelajari kemahiran penyelidikan dan mempelopori ilmu pengetahuan terkini dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, serta sains perpustakaan dan maklumat yang spesifik.

Katanya, pelajar akan diselia dan dibimbing oleh kakitangan akademik tempatan dan antarabangsa yang memperoleh kelayakan akademik mereka dari pelbagai negara antaranya United Kingdom, Amerika Syarikat, Perancis, Australia, New Zealand dan Malaysia.

“Mereka (pelajar) juga dibenarkan dibimbing oleh perunding industri yang memberi input dari aspek latihan amali.

“Memandangkan UM adalah universiti tempa-

tan pertama yang menitikberatkan kepentingan penerbitan saintifik, pelajar perlu menerbitkan sekurang-kurangnya dua artikel dalam jurnal yang diindekskan dalam Web of Science sebagai satu daripada syarat pengijazahan.

“Kualiti penerbitan juga ditekankan di mana calon digalakkan menerbitkan hasil penyelidikan mereka dalam jurnal berimpak tinggi.

“Sepanjang pengajian, kerja penyelidikan pelajar akan dinilai oleh penyelia dan kakitangan akademik fakulti secara berkala.

“Tesis pelajar pula akan dinilai oleh profesor antarabangsa dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dan juga pemeriksa dalam fakulti.

“Saya percaya, melalui proses penyelidikan, pementauan dan pemeriksaan yang rapi ini, kualiti calon PhD yang dihasilkan dapat dijamin,” katanya.

Graduan lulusan FSKTM boleh menjadi ahli akademik atau penyelidik di universiti, institusi penyelidikan dan industri dalam dan luar negara.

Kini, banyak syarikat tempatan dan antarabangsa, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat multinasional (MNC) juga memerlukan penyelidik dalam bidang kepintaran buatan, sains data, sistem dan sains maklumat, keselamatan siber, rangkaian, kejuruteraan perisian dan ia sekali gus memberi peluang kerjaya yang meluas kepada graduan.